

**GARIS PANDUAN PEMBERIAN BANTUAN
DI BAWAH TABUNG BANTUAN PERUBATAN (TBP)**

1. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a. Warganegara Malaysia.
- b. Pesakit miskin / kurang mampu yang disokong oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan atau Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- c. Pesakit yang dirujuk oleh Hospital Kerajaan.

2. JENIS-JENIS BANTUAN YANG DIPERTIMBANGKAN

- a. Membiayai sepenuhnya atau sebahagian kos rawatan perubatan yang kemudahan tersebut tidak terdapat di Hospital Kerajaan;
- b. Membiayai sepenuhnya atau sebahagian kos pembelian ubat-ubatan yang tidak dibekalkan oleh Hospital Kerajaan tetapi telah berdaftar dengan Biro Farmasutikal Kebangsaan; dan
- c. Membiayai sepenuhnya atau sebahagian kos pembelian peralatan perubatan serta peralatan untuk tujuan rehabilitasi dan meningkatkan kefungsiannya yang tidak dibekalkan oleh Hospital Kerajaan.

3. KONSEP BANTUAN

- a. Bantuan hanya dipertimbangkan sebelum rawatan dibuat. Permohonan bagi rawatan yang telah dibuat tidak akan dipertimbangkan.
- b. Bagi rawatan yang diperolehi di dalam negara sahaja.
- c. Rawatan mesti mematuhi garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Majlis Perubatan Malaysia.

- d. Bantuan yang dipertimbangkan adalah bantuan rawatan perubatan sahaja (lain-lain bantuan seperti sara hidup dan pengangkutan tidak dipertimbangkan).
- e. Pesakit / keluarga pesakit perlu membayar sejumlah wang yang mereka mampu bagi membiayai kos rawatan.

4. PESAKIT YANG TIDAK LAYAK

Kakitangan kerajaan atau pesara kerajaan atau anggota keluarga kakitangan Kerajaan yang mendapat faedah perubatan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001, Pelaksanaan Kemudahan Perubatan (JPA).

5. JENIS-JENIS BANTUAN YANG TIDAK DIPERTIMBANGKAN

Bantuan bagi tujuan-tujuan seperti di bawah tidak dipertimbangkan:

- i. Pembayaran ujian-ujian makmal dan diagnostic;
- ii. Rawatan bagi masalah kemandulan (*infertility*);
- iii. Kaedah rawatan yang baru dan belum terbukti keberkesanannya;
- iv. Rawatan bagi pembedahan plastik untuk tujuan meningkatkan atau mengembalikan kefungsiakan akan dipertimbangkan tetapi bantuan untuk pembedahan estetik tidak dipertimbangkan; dan
- v. Rawatan berterusan yang mana sebahagian dari kos rawatan sedang dibiayai oleh badan-badan lain.

6. TEMPOH BAGI RAWATAN BERTERUSAN

Sekiranya rawatan yang berterusan diperlukan maka bantuan akan dipertimbangkan untuk tempoh maksima dua tahun sahaja. Setelah tamat tempoh tersebut, permohonan boleh dikemukakan semula jika pesakit masih memerlukan rawatan.

7. KAEDAH PEMBAYARAN

Pembayaran bagi bantuan yang telah diluluskan dibayar terus kepada pusat rawatan / pembekal peralatan.

8. PEMBATALAN PERMOHONAN

Semua permohonan adalah terbatal jika:

- i. Jika maklumat yang diberikan didapati tidak benar.
- ii. Pesakit yang mendapat tajaan daripada pihak lain atau rawatan tidak diperlukan lagi.

9. JENIS-JENIS PENYAKIT YANG MEMERLUKAN RAWATAN YANG BERTERUSAN YANG BOLEH DIBERI BANTUAN

- a. *Blood Disorders – all blood disorders excluding*
 - i. *Thalassemia for relevant age groups*
 - ii. *Factor V111 deficiency*
 - iii. *Factor 1X deficiency*
 - iv. *Von-Willebrands'*
 - v. *And others where treatment is available at the Government hospitals.*
- b. *Bone and joint disorders.*
- c. *Ear and hearing disorders*
- d. *Endocrine disorders*
- e. *Eye disorders*
 - i. *Age Related Macular Degeneration*
 - ii. *Photo Dynamic Therapy*
 - iii. *Glaucoma*
 - iv. *Anisometropia*
 - v. *Corneal Opacities*

- f. *Genetic and metabolic disorders*
 - i. *Special diets (as advised by medical specialists)*
 - ii. *Medications*
 - iii. *Other proven interventions (as advised by medical specialists)*
- g. *Heart diseases*
 - i. *Congenital*
 - ii. *Acquired*
- h. *Immune disorders*
- i. *Long term care following surgical intervention*
- j. *Neurological and neurodegenerative disorders*
- k. *Orthopedic conditions requiring surgical interventions*
- l. *Renal disorders*
- m. *Respiratory disorders*
 - i. *Chronic respiratory failure requiring home ventilation, home oxygen therapy*
 - ii. *Other chronic conditions*

Nota:

Penyakit yang tidak disenaraikan boleh dipertimbangkan untuk bantuan secara 'case to case basis' jika diperakukan oleh Jawatankuasa Teknikal Perubatan.

